



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

---

**PEKELILING PENDAFTAR**

---

**Bilangan 12 Tahun 2019**

**TAWARAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH KEPADA STAF  
PENTADBIRAN KUMPULAN PELAKSANA UiTM BAGI PENGAJIAN DI  
PERINGKAT DIPLOMA/ IJAZAH SARJANA MUDA TAHUN 2019/2020**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan mempelawa Staf Pentadbiran Kumpulan Pelaksana Universiti Teknologi MARA (Gred 19 hingga Gred 40) yang memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk memohon Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa atau Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (dengan tajaan yuran pengajian) tahun 2019/2020 bagi mengikuti pengajian di peringkat Diploma (Kumpulan Pelaksana Gred 19 hingga Gred 28) dan Ijazah Sarjana Muda (Kumpulan Pelaksana Gred 29 hingga Gred 40).

**LATAR BELAKANG**

2. Staf yang berkelayakan untuk mengikuti pengajian di peringkat Diploma/ Ijazah Sarjana Muda hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan perwatakan/ sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi.

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

3. Staf yang layak memohon hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

<p style="text-align: center;"><b>Diploma</b> (Terbuka untuk staf pentadbiran di gred 19 hingga 28)</p>	<p style="text-align: center;"><b>Ijazah Sarjana Muda</b> (Terbuka untuk staf pentadbiran di gred 29 hingga 40)</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Warganegara Malaysia;</li> <li>ii. Berjawatan tetap;</li> <li>iii. Telah disahkan dalam perkhidmatan semasa memohon;</li> <li>iv. Telah memenuhi genap tiga (3) tahun perkhidmatan dengan UiTM dalam lantikan tetap;</li> <li>v. Berumur tidak lebih daripada 45 tahun pada tarikh iklan ditutup;</li> <li>vi. Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib;</li> <li>vii. Penilaian Prestasi Tahunan adalah: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) minimum 90% untuk tempoh tiga (3) tahun (2016, 2017 dan 2018) berturut-turut (kelayakan dengan biasiswa); atau</li> <li>b) minimum 85% untuk tempoh tiga (3) tahun (2016, 2017 dan 2018) berturut-turut (kelayakan tanpa biasiswa dengan tajaan yuran pengajian sahaja)</li> </ul> </li> <li>viii. Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang; dan</li> <li>ix. Telah mengisytiharkan harta mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Warganegara Malaysia;</li> <li>ii. Berjawatan tetap;</li> <li>iii. Telah disahkan dalam perkhidmatan semasa memohon;</li> <li>iv. Telah memenuhi genap tiga (3) tahun perkhidmatan dengan UiTM dalam lantikan tetap;</li> <li>v. Berumur tidak lebih daripada 45 tahun pada tarikh iklan ditutup;</li> <li>vi. Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib;</li> <li>vii. Penilaian Prestasi Tahunan adalah: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) minimum 90% untuk tempoh tiga (3) tahun (2016, 2017 dan 2018) berturut-turut (kelayakan dengan biasiswa); atau</li> <li>b) minimum 85% untuk tempoh tiga (3) tahun (2016, 2017 dan 2018) berturut-turut (kelayakan tanpa biasiswa dengan tajaan yuran pengajian sahaja)</li> </ul> </li> <li>viii. Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang;</li> <li>ix. Telah mengisytiharkan harta mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa; dan</li> <li>x. Mempunyai kelayakan Diploma yang berkaitan (ditetapkan oleh Universiti) dengan CGPA 3.00 dan ke atas atau yang setaraf dengannya.</li> </ul>

4. Permohonan daripada staf yang telah memiliki kelayakan di peringkat yang sama tanpa mengira bidang pengkhususan tidak akan dipertimbangkan.
5. Pemohon mestilah bebas daripada senarai hitam peminjam PTPTN.
6. Tempoh pengajian Cuti Belajar Bergaji Penuh adalah tertakluk kepada pelan pengajian dan keputusan Universiti.
7. Kursus yang diikuti mestilah berkaitan dengan tugas hakiki pemohon dan bertujuan untuk kepentingan perkhidmatan.
8. Tempat pengajian Cuti Belajar Bergaji Penuh adalah di UiTM sahaja. Walau bagaimanapun, bagi program-program yang tidak ditawarkan di UiTM, pengecualian diberikan dengan syarat perlu mendapat pengesahan Ketua Jabatan.
9. Calon yang memohon hendaklah memenuhi syarat-syarat kemasukan ke UiTM bagi program Diploma atau Sarjana Muda yang akan diikuti.

## **PELAKSANAAN**

10. Tatacara permohonan adalah seperti berikut:
  - i. Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian mulai 18.03.2019 melalui **Portal i-Staf eBasiswa Pelaksana** di laman web rasmi UiTM [www.uitm.edu.my](http://www.uitm.edu.my).
  - ii. Permohonan yang tidak melalui eBasiswa Pelaksana tidak akan diproses.
  - iii. Permohonan yang tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan, mengandungi maklumat yang tidak benar serta tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
  - iv. Tarikh tutup permohonan adalah pada 01.04.2019.
11. Staf yang disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi temu duga.
12. Keputusan permohonan oleh Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia, Universiti Teknologi MARA adalah muktamad.

## TARIKH DIKELUARKAN

13. Pekeliling dikeluarkan pada 18.03.2019.

## TARIKH KUATKUASA

14. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 18.03.2019.



**AZIDA AZMI**  
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Dekan Fakulti  
Semua Rektor Cawangan Negeri

Bil. Fail : 100-BPD (PT. 6/3)  
No Siri : 100-BPD(Bil. 12/2019)